

KESALAHAN JENAYAH SIHIR: ANALISA SEKSYEN 152 PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH BRUNEI DARUSSALAM

(WITCHCRAFT CRIME: AN ANALYSIS SECTION 152 OF THE SYARIAH PENAL CODE ORDER BRUNEI DARUSSALAM)

*¹Mahyuddin bin Ismail, Zulfakar bin Ramlee,² Jahid bin Hj Sidek,³ Mohd. Jim bin Hamzah,⁴ Zainal Abidin bin Kusmin,⁵ Siti Aisyah bt. Romli⁶

*Corresponding author

^{1,2,3,4,5,6} Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

Universiti Malaysia Pahang
(mahyuddin@ump.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.22452/brj.vol11no1.4>

Abstract

Among the biggest challenges to eradicate witchcraft is difficult to determine the existence of a crime (فعل جنائي) and criminal intent (قصد جنائي) by witch. Witchcraft is not only difficult to detect, the outcome upon its targeted victim is also hardly visible. This research aims to describe practical methods to disclose the metaphysical aspects by analyzing the materials and methods that have been used. The concept of 'effects from an act' will also being highlighted to help us to identify relations between crime (فعل جنائي) and criminal intent (قصد جنائي). This approach could open a new dimension to the legal system in relation to the implementation of section 152 of the Syariah Penal Code Order of Brunei.

Keywords: Crime - (فعل جنائي) - Criminal Intent - (قصد جنائي) - Murdered Using Witchcraft - Section 152 of the Syariah Penal Code Order Brunei Darussalam

Pengenalan

Ilmu dan amalan sihir merupakan antara ilmu dan amalan yang tertua di dunia. Ilmu ini melibatkan penggunaan khidmat jin dan syaitan dan

diamalkan dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Ia digunakan untuk menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan antara suami dan isteri, menghilangkan kewarasan akal, menyebabkan penyakit sehingga ke tahap membunuh mangsa tanpa perlu disentuh (Mahyuddin Ismail, 2011, hlm. 124). Oleh kerana kesan buruk yang timbul dari pengamalannya, maka sebahagian besar tamadun-tamadun terdahulu seperti tamadun Mesopotamia (Farber, 1995, hlm. 1898), tamadun Rom (Kippenberg, 1995, hlm. 149), tamadun China (de Groot, tiada tarikh, Vol. 5 (3)), tamadun Parsi (Ahmad b. ‘Ali Abū Bakar Al-Jassāsah, tiada tarikh, hlm. 33), tamadun Islam (Abdul Basir Mohammed, 1999, hlm. 9) dan tamadun Barat (Kieckhefer, 1990, hlm. 177-179) telah mewartakan ianya sebagai satu jenayah. Menurut Morrison (2001, hlm. 47), pakar undang-undang jenayah iaitu William Blackstone turut menegaskan tentang kewujudan ilmu sihir dan undang-undang untuk menanganinya melalui kenyataannya:

To deny the possibility, nay, actual existence, of witchcraft and sorcery is at once flatly to contradict the revealed word of God, in various passages both of the old and new testament: and the thing itself is a truth to which every nation in the world has in its turn borne testimony, either by examples seemingly well attested, or by prohibitory laws; which at least suppose the possibility of a commerce with evil spirits."

Apabila kerajaan negara Brunei Darussalam mengumumkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada tahun 2013, antara peruntukan yang berkaitan amalan sihir ialah seksyen 152 iaitu kesalahan *qatl* (membunuh) dengan menggunakan ilmu sihir. Seksyen 152 (1) Kanun tersebut memperuntukkan:

Mana-mana orang yang melakukan *qatl* dengan sihir yang pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian dan dibuktikan dengan ikrar tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan *qatlul-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai qisas.

Seksyen 152 (2) pula memperuntukkan:

Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-'amd* dengan sihir-

- (a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1);
- (b) jika orang itu bukan mukallaf; atau
- (c) terhadap anaknya sendiri

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duannya sekali.

Manakala seksyen 152 (3) Kanun tersebut memperuntukkan:

Mana-mana orang yang melakukan *qatlul* dengan sihir yang-

- (a) Kadang-kadang atau jarang-jarang boleh menyebabkan kematian;
- (b) Dimaksudkan untuk menyebabkan kematian seseorang yang tertentu tetapi telah menyebabkan kematian orang lain, kematian yang dia tidak bermaksud akan menyebabkan kematian kepada orang lain tersebut,

dan dibuktikan dengan ikrar tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan *qatlu syibhil-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* kepada *wali-ad-dam* mangsa dan dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Membunuh Dengan Menggunakan Ilmu Sihir

Membunuh mangsa dengan menggunakan ilmu sihir bukanlah satu perkara yang asing dalam mana-mana masyarakat di dunia. Kaedah penyihiran sebegini boleh didapati dalam segenap bangsa dengan nama-nama yang tertentu. Dalam masyarakat Melayu di Malaysia, santau dan tuju-tuju adalah antara bentuk ilmu sihir yang biasa digunakan untuk membunuh mangsa. Menurut Amran Kasimin (1995, hlm. 54), santau yang cukup masak boleh menyebabkan kematian sekiranya mangsa tidak dirawat dengan segera. Penggunaan santau bagi tujuan sedemikian boleh dilihat dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mat Saad bin Mat Isa & 2 Lagi* [2005] 1 AMR 29. William Shaw (1975, hlm. 50) turut mencatatkan satu kaedah untuk membunuh yang kelihatan sama seperti *voodoo*. Kaedahnya seperti berikut:

The best known of the Malay wax doll charms requires that the magician (bomoh or pawang) making it shall take nail parings, hair and other representative parts of his intended victim's body, mix them with bees-wax or candle-wax, and from this fashion a male or female model according to the sex of the person to be operated against. This figure is then slowly scorched in a flame for seven consecutive nights while the magician intones some formula like 'this is not wax I burn but the body of so-and-so'. At the end of the seventh ceremony the model is cast into the fire and as the wax melts away so, it is thought, does the life force (semangat) of the victim.

Selain itu, ada antara pengamal sihir yang sanggup membunuh dan mengerat anggota badan untuk dijadikan korban, menggali kuburan bagi mendapatkan anggota tertentu dari mayat, menghisap darah kanak-kanak yang dibunuh, memperkosa wanita (biasanya anak dara) dalam jumlah tertentu, memuja tengkorak manusia atau tulang-tulang haiwan dan lain-lain lagi yang aneh [Mahyuddin Ismail, 2010, hlm. 74]. Di Eropah, terdapat sesetengah ahli sihir menawarkan perkhidmatan untuk membunuh wanita yang cuba menganggu rumahtangga wanita lain (Mioreanu, 1989, hlm. 120-121) Manakala di Australia pula, antara kaedah sihir untuk membunuh yang terkenal ialah dengan menghalakan tulang kepada musuh sambil membaca mantera untuk menyebabkan kematian (Maple, 1973, hlm. 105). Di Afrika Selatan pula, *voodoo* adalah antara ilmu sihir yang digunakan untuk membunuh. Ilmu tersebut memerlukan pendita yang dikenali sebagai *Hun'gan* dan *Mam'bo* menyeru roh-roh moyang dari perkuburan (Maple, 1973, hlm. 113).

Sebahagian ulama Islam turut mengakui bahawa sihir boleh menyebabkan kematian seseorang manusia. Menurut Imam al-Syafi'i, seorang ahli sihir tidak dibunuh kecuali ia melakukan pembunuhan dengan sihirnya dengan sengaja (Abū Ḩabdullāh Muhammad b. Ahmad al-Ansāriyy al-Qurṭubīyy, 1387H/1967M, hlm. 48). Sekiranya pembunuhan itu tidak disengajakan, maka dia tidak boleh dibunuh tetapi dikenakan diat sama seperti hukuman bagi seseorang yang membunuh orang kerana tersalah. Menurut As-Syarbini (1978, juz. 4 hlm. 1200), sesetengah ulama dari Madhab Shafī'i berpendapat sekiranya seorang ahli sihir berkata: "Aku telah menyihirnya dengan cara begini" dan ia disaksikan oleh dua orang saksi, yang dahulunya adalah ahli sihir tetapi telah bertaubat darinya, dan kedua-duanya mengesahkan bahawa cara yang digunakan itu boleh menyebabkan kematian ke atas mangsanya, maka penyaksian oleh dua orang bekas ahli sihir tersebut boleh digunakan untuk membuktikan dakwaan.

Menzahirkan Perbuatan Jenayah (فعل جنائي) dalam Amalan Sihir

Prinsip asas dalam undang-undang jenayah ialah bahawa seseorang itu tidak akan disabitkan dengan sesuatu jenayah melainkan pihak pendakwa berjaya membuktikan bahawa tertuduh telah melakukan suatu perbuatan jenayah (فعل جنائي); dan bahawa tertuduh berada dalam keadaan sedar dan fikiran yang waras tentang perbuatan itu (niat jenayah) (قصد جنائي). Justeru, cabaran besar yang bakal dihadapi dalam mengaplikasikan peruntukan sedemikian ialah bagaimana untuk mengenalpasti perbuatan jenayah (فعل جنائي) dan niat jenayah (قصد جنائي) pengamal sihir. Ini kerana amalan sihir (khususnya yang digunakan untuk membunuh seperti santau atau tuju-tuju) bukan sahaja tidak kelihatan pada pandangan kasar, bahkan sukar untuk melihat kaitan antara perbuatan pengamal sihir dengan kesan yang terhasil terhadap mangsa.

Seseorang yang terlibat dalam satu pelakuan jenayah dapat dikenalpasti sama ada melalui tindakan proaktifnya dalam merealisasikan niat jahatnya, atau melalui persubahatan dan pakatan jahat yang membawa kepada perlaksanaannya. Dalam kes jenayah, kebiasaannya penjenayah akan berada di lokasi kejadian bagi memastikan apa yang dilakukan (فعل جنائي) terhadap mangsa mencapai apa yang diniatkannya (قصد جنائي). Berlainan pula dengan perbuatan sihir. Seorang pengamal sihir adakah lantaran tidak perlu berada di tempat kejadian untuk memastikan apa yang diniatkannya tercapai. Sebagai contoh, dalam kes *Sabarudin Bin Non & Ors v PP* [2005] 4 MLJ 37 hlm. 49] hakim menerima pendapat saksi yang mengatakan bahawa untuk mengenakan santau, seorang bomoh santau tidak perlu pergi melihat rumah mangsanya. Perkara luarbiasa sebegini sangat rumit untuk dirasionalkan. Pasti akan timbul persoalan bagaimana elemen metafizik ini boleh dizahirkan dalam perbicaraan di mahkamah.

Usaha untuk menzahirkan perbuatan dan niat jenayah dalam kesalahan berkaitan sihir ini perlu bermula dengan memahami apa yang dimaksudkan dengan ilmu sihir serta elemen-elemen yang menghasilkan kesannya. Melalui pemahaman terhadap metodologi pelaksanaan sihir ini, maka mudahlah bagi kita mengenalpasti perbuatan jenayah (فعل جنائي) dan niat jenayah (قصد جنائي) pengamal sihir melalui bahan-bahan sihir yang digunakan. Bagi mendapat gambaran tentang metodologi pelaksanaan sihir, maka definisi yang diberikan oleh Ibnu Hajar Al-Haitami dalam *Kitab As-Sihr* boleh dianggap sebagai yang paling komprehensif.

Beliau menyatakan sihir ialah:

ما حصل بمعونة الشيطان بضرب من التقرب

Apa juga yang berlaku (atau dapat dibuat atau dicapai oleh seseorang) dengan pertolongan syaitan, (setelah orang itu memenuhi kehendak syaitan tersebut) dengan melaksanakan sesuatu (yang dikehendaki oleh syaitan itu) sebagai tanda atau isyarat taqarrub (atau bersahabat atau tunduk dan mengikut atau menyembah syaitan itu). (Jahid b. Hj. Sidek, 2008, hlm. 1)

Definisi di atas jelas menunjukkan bahawa antara intipati amalan sihir ialah seseorang pengamal sihir perlu melakukan satu perjanjian dengan syaitan melalui upacara pemujaan khusus dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syaitan yang hendak dipujanya itu.

Dalam kes berkaitan sihir, lazimnya seorang pengamal sihir akan melakukan beberapa perkara bagi memenuhi syarat-syarat yang dapat merealisasikan rancangan jenayah sihirnya itu. Perbuatan-perbuatan ini boleh dijadikan sebagai sebahagian siri perbuatan (*series of act*) yang akan membentuk perbuatan jenayah (فعل جناعی) bagi suatu jenayah sihir. Dari sudut pembuktian, siri perbuatan ini termasuk di bawah konsep relevan dan diterima dibawah seksyen 6 Akta Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Berdasarkan definisi di atas, antara perbuatan-perbuatan yang lazimnya dilakukan oleh seorang pengamal ilmu sihir dalam melaksanakan sihirnya ialah:

- (a) Melakukan pemujaan dengan tujuan untuk menyeru kehadiran makhluk-makhluk halus yang akan bertugas sebagai khadam sihir. Pemujaan ini dilakukan dalam pelbagai bentuk dan cara bergantung kepada masyarakat setempat. Ia boleh jadi dalam bentuk korban, jampi mantera, serapah dan lain-lain seumpamanya.
- (b) Menyediakan bahan-bahan tertentu sebagaimana yang disyaratkan oleh khadam sihir yang dipuja. Bahan-bahan ini mempunyai sifat-sifat tertentu dan adakalanya bahan tersebut perlu diambil dari milikan mangsa seperti kuku, rambut, darah, pakaian dalam, tuala dan seumpamanya.
- (c) Melakukan sesuatu (sama ada melalui perkataan atau perbuatan tertentu yang berupa isyarat atau makna yang simbolik) terhadap bahan-bahan yang disediakan tersebut seperti memuja, membakar, menyimpul, mengikat, mencucuk, menikam, mengelar, menggantung, memusing-musing, melaga-laga dan berbagai-bagi lagi yang berupa isyarat tertentu kepada makhluk halus yang dipujanya.

Oleh itu, perbuatan pengamal sihir yang melakukan pemujaan dengan persiapan bahan tertentu dan menggunakan kaedah tertentu sehingga menimbulkan kesan kepada mangsa boleh dianggap sebagai perbuatan jenayah (فعل جنائي). Konsep ‘perbuatan’ dan ‘kesan yang terhasil dari perbuatan’ sihir mesti dibezaikan. Ini kerana perbuatan jenayah (فعل جنائي) bukan tertumpu kepada perbuatan semata-mata tetapi perlu juga dibuktikan bahawa perbuatan tersebut mempunyai akibat yang tertentu, setakat mana ianya relevan. Sebagai contoh, dalam jenayah membunuh, perbuatan X yang menikam perut dan dada Y dengan pisau secara bertalu-talu adalah dikira sebagai perbuatan jenayah (فعل جنائي) bagi kesalahan membunuh kerana hasil tikaman tersebut diketahui boleh menyebabkan kematian Y. Tetapi sekiranya X hanya menikam kaki Y dengan pisau, perbuatan jenayah (فعل جنائي) tersebut hanyalah terhad kepada kesalahan menyebabkan kecederaan parah kerana lazim diketahui tikaman sedemikian tidak akan menyebabkan kematian. Begitu juga dengan situasi apabila Y, sambil membaca mantera pemujaan, menikamkan jarum ke mata dan telinga sebuah patung yang dibuat dari tanah liat, yang diikatkan gambar X dengan tiga jenis benang yang diambil dari baju milik X. Perbuatan menikam patung itu tidak menjadi perbuatan jenayah (فعل جنائي) tetapi yang menjadi perbuatan jenayah (فعل جنائي) ialah apabila kesan tikaman tersebut dirasai oleh X dan mengakibatkan kematian mangsa.

Menzahirkan Niat Jenayah (قصد جنائي) Dalam Amalan Sihir

Elemen kedua yang perlu ada untuk mewujudkan liabiliti jenayah ialah niat Jenayah (قصد جنائي). Perbuatan jenayah (فعل جنائي) pengamal sihir akan menjadi jenayah apabila ia disertai niat jenayah (قصد جنائي) yang sesuai dengannya. Niat jenayah (قصد جنائي) merupakan elemen mental dan tidak dapat dibuktikan secara nyata. Justeru, tidak hairanlah sekiranya ianya kelihatan mustahil untuk mendapatkan keterangan secara nyata bagi membuktikan niat seseorang. Walau bagaimanapun, ianya dapat disimpulkan dari keterangan yang tidak nyata dengan merujuk kepada fakta kes dan keadaan persekitaran pada masa sesuatu kejadian itu berlaku.

Untuk menentukan kewujudan niat jenayah (قصد جنائي) di dalam amalan sihir, kaedah penyihiran dan bahan-bahan yang digunakan mesti diambil kira. Ada masanya, bahan yang digunakan sama tetapi kaedah yang berbeza digunakan. Sebagai contoh, sekiranya jarum atau pisau yang dipuja ditikamkan ke bahagian jantung atau otak patung yang dikasadkan sebagai mangsa, maka dapat disimpulkan bahawa ahli sihir tersebut memang berniat untuk membunuh mangsa. Tetapi sekiranya tikaman itu hanyalah pada tangan

dan kaki, biasanya ianya bertujuan untuk mencederakan atau melumpuhkan mangsa sahaja atau mungkin untuk menjadikannya mangsa menderita. Para ulama juga sepakat dalam menentukan sesuatu pembunuhan itu sama ada sengaja (*العمد*) atau tidak dengan melihat kepada alat yang digunakan. Sekiranya alat yang digunakan itu lazimnya boleh menyebabkan kematian seperti parang atau batu besar maka pembunuhan tersebut diklasifikasikan sebagai sengaja (al-Shirazi, 1994, hlm. 225).

Secara asasnya, terdapat dua kategori bahan-bahan yang lazimnya digunakan dalam upacara untuk menyihir. Kategori pertama ialah bahan-bahan tertentu yang menggambarkan bentuk kemudaratan yang hendak dikenakan kepada mangsa. Bahan-bahan ini dan cara penyediaannya adalah berbeza-beza mengikut amalan pengamal sihir itu (Widner, 2001, hlm. 380). Menurut Mahyuddin (2011, hlm. 58-60), antara contoh bahan yang biasa digunakan ialah:

- (a) Bahan-bahan kotor dan busuk seperti darah, najis, bangkai, tengkorak, kain kafan mayat, air kencing, abu mayat dan yang seumpamanya. Bahan-bahan ini biasa digunakan dalam sihir bagi menjadikan seseorang mangsa itu gila, dibenci atau mengalami gangguan perasaan.
- (b) Bahan-bahan yang berbisa dan beracun seperti air lipan bara, bisa ular senduk, bisa ular kapak, ubur-ubur, bisa getah ipuh, buah kacang hantu, katak puru bertanduk, bisa kala jengking dan yang seumpamanya. Bahan-bahan ini biasa digunakan bagi menyakiti fizikal mangsa, dan boleh jadi untuk membunuh mangsa.
- (c) Bahan-bahan tajam dan melukakan seperti kaca, mentol lampu, kelonsong telur ayam, benang sutera, berus besi, kawat sental periuk, tali sabut yang direndam, pisau berkarat, paku, ranting bunga kertas kuku manusia atau binatang dan yang seumpamanya. Bahan-bahan ini biasa digunakan dalam penyediaan sihir untuk mencederakan mangsa.
- (d) Bahan-bahan gatal dan miang seperti miang buluh, miang tebu, miang rebung, tali guni, ulat bulu mati beragan dan yang seumpamanya. Bahan-bahan ini biasanya disediakan dalam sihir yang bertujuan untuk mendatangkan kemudaratan kepada tubuh mangsa terutama organ dalaman.
- (e) Bahan-bahan simpulan seperti kain, benang, rambut, tali sabut, tali yang mempunyai warna-warna tertentu, biasanya merah, hitam, kuning dan putih dan yang seumpamanya.
- (f) Bahagian tertentu dari anggota tubuh penyihir seperti rambut, kuku, ludah, air mani, darah haid dan yang seumpamanya. Bahan ini

biasanya digunakan oleh penyihir untuk menguasai atau menundukkan mangsa.

- (g) Bahagian tertentu dari haiwan yang diambil dalam keadaan tertentu seperti taring harimau, gading gajah, tanduk kerbau, bulu kongkang, hati mawas putih, hati kura-kura, uri kucing, belangkas jantan betina yang melekat, telur labah-labah, tulang dagu kera duku. Bahan-bahan tadi diperlukan dalam sihir yang bertujuan menjadikan mangsa itu bodoh dan malu apabila melihat orang atau dibenci orang kerana kegarangannya.
- (h) Bahan-bahan yang diambil dalam keadaan tidak stabil. Sebagai contoh, benda-benda yang memusing ditengah-tengah air seperti daun, kayu atau haiwan mati, atau benda-benda yang tersangkut di sarang labah-labah, atau benda-benda bergantung yang sentiasa berpusing ke kanan dan ke kiri. Bahan-bahan ini biasanya digunakan dalam sihir yang bertujuan untuk menjadikan mangsa bingung dan tidak keruan.
- (i) Tanah liat, lilin atau jerami yang diukir dan dibentuk menjadi patung, dipuja, dicucuk jarum atau duri nibung, disalai, dibakar dan sebagainya dengan tujuan supaya orang yang dihajati akan merasa sakit dan mati secara perlahan-lahan.

Kategori kedua pula merujuk kepada apa-apa bahan yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan identiti mangsa yang hendak disihir. Contohnya pakaian, kuku, rambut, bulu romah, pakaian dalam, baju, kain, seluar, tisu dan tuala yang pernah dipakai oleh mangsa. Bahan ini adalah antara bahan yang sangat diperlukan bagi memastikan sihir yang dikenakan dapat mencari sasaran dengan tepat dan menghasilkan kesan yang cepat.

Selain bahan sihir yang digunakan, kaedah dan bentuk perbuatan sihir, tahap keseriusan serta sasaran perbuatan dapat memberi gambaran maksud yang hendak dicapai olehnya. Sebagai contoh, dalam kesalahan mematikan orang, tikaman dan bahagian anggota tubuh yang ditikam dapat memberi gambaran niat pembunuhan, sama ada mahu mangsanya mati atau hanya untuk mencederakannya sahaja. Untuk menjadikan mangsa gelisah, bingung dan tidak tentu arah, bahan-bahan seperti sampah, daun kayu atau binatang kecil yang telah mati diambil dari air yang berpusar, atau apa-apa objek seperti bangkai semut, labah-labah atau lipas yang terperangkap di sarang labah-labah, tergantung berpusing-pusing ke kanan dan ke kiri di tiup angin diambil dan dipuja dengan rambut milik mangsa. Mangsa akan menjadi bingung tidak keruan atau menjadi tidak siuman, terasa berpusing-pusing kepalanya seperti keadaan bahan yang diambil di pusaran air atau berpusing-pusing tergantung

di sarang labah-labah (Amran Kasimin, 2009, hlm. 37). Hal-hal sebegini hanya dapat dikenal pasti oleh orang yang pakar dalam ilmu sebegini.

Apa yang diulas oleh C. K. Thakker, Dhirajlal Keshavlal Thakore, V. R. Krishna Iyer dan Ratanlal Ranchhoddas (2002, hlm. 1315-1316) berkaitan niat untuk mengakibatkan kecederaan boleh diaplikasikan dalam jenayah sihir:

If a person stabs another in the abdomen with sufficient force to penetrate the abdominal wall and the internal viscera, he must undoubtedly be held to have intended to cause injury sufficient in the ordinary course of nature to cause death. It is not necessary that the accused must have the intention to inflict those injuries which he knew were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. It would suffice if he intended to cause those injuries which were actually caused by him. If the medical evidence showed that those injuries were sufficient in the ordinary course of nature to cause death, the accused would then be guilty of murder under section 302. The person who uses a sword or aruval chopping of an arm of a leg and by doing so severs the arteries of the arms or the leg, must know that he is inflicting an injury which in the ordinary course of nature is sufficient to cause death. The offence in that case is clearly murder. Where the accused stabbed the deceased only once in a vital part of the body and the deceased died as a result of that injury and the injury was one which in the ordinary course would have caused death, it was held that the accused was guilty of murder.

Dalam kes *State lvn Basdev* [AIR [1956] SC 488], hakim memetik kata-kata Coleridge J. dalam kes *Reg v. Monkhouse* [(1849) 4 Cox CC 55]:

The inquiry as to intent is far less simple than that as to whether an act has been committed, because you cannot look into a man's mind to see what was passing there at any given time. What he intends can only be judged of by what he does or says, and if he says nothing, then his act alone must guide you to your decision. It is a general rule in criminal law, and one founded on common sense, that juries are to presume a man to do what is the natural consequence of his act. The consequence is sometimes so apparent as to leave no doubt of the intention. A man could not put a pistol which he knew to be loaded to another's head, and fire it off, without intending to kill him; but even there the state of mind of the party is most material to be considered.

Dalam jenayah sihir, penyihir yang ingin menyebabkan kematian seseorang dengan menggunakan ilmu sihir sudah pasti mempunyai niat untuk membunuh. Kes kematian akibat sihir boleh diklasifikasi sebagai satu pembunuhan apabila seorang pengamal sihir melakukan sihir terhadap seseorang dengan menggunakan kaedah dan peralatan sihir yang pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian dan niat pengamal sihir tersebut dapat disimpulkan dari kaedah dan alatan yang digunakan itu.

Kesimpulan

Jelas kepada kita bahawa elemen perbuatan jenayah (فعل جنائي) dan niat jenayah (قصد جنائي) dalam jenayah sihir sebenarnya wujud dan boleh dikesan secara ketara. Melalui analisa terhadap jenis bahan dan kaedah penyihiran yang digunakan, maka kita akan dapat menzahir dan mengenalpasti perbuatan jenayah (فعل جنائي) dan niat jenayah (قصد جنائي) pengamal sihir. Dengan cara ini akan membantu pihak berkuasa untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan jenayah sihir khususnya di bawah Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Rujukan

- Abdul Basir Mohammed. (1999). *Amalan Sihir dan Ayat-ayat Al Qur'an: Perbezaan Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abū ‘Abdullāh Muhammad b. Ahmad al-Ansāriyy al-Qurṭubiyy. (1387H/1967M). *al-Jamī‘u li ahkām al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy li al-Tibā‘ah wa al-Nashri.
- Ahmad b. ‘Ali Abū Bakar Al-Jassāsah. (tiada tarikh). *Ahkām Al-Qur’ān*, jil. 1. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.
- Al-Shirazi, A. I. (1994). *al-Muhazzab* (1st ed.). Beirut: Dar Ihya wa Turas al-arabi.
- Amran Kasimin. (1995). *Santau sebagai satu cabang ilmu sihir*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- _____. (2009). *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. Bangi: Penerbit UKM.
- As-Syarbini, S. A.-D. A. K. (1978). *Mughni Al Muhtaj ila Ma’rifat Ma’ani Alfaz al-Manhaj*. Kaherah: Dar Al-Fikr.

- Miereanu, I. A. (1989). Magic in Eastern Europe. Dlm. L. E. Sullivan (Pnyt.), *Hidden Truth: Magic, Alchemy and the Occult* (hlm. 116-121). New York, Mc Millan Publishing Company.
- De Groot, J. J. M. (tiada tarikh). *The Religious System of China*. Book 2. Vol. 5(3). Leiden: Brill.
- Farber, W. (1995). Witchcraft, magic and divination in Ancient Mesopotamia. Dlm. J. M. Sasson (Pnyt.), *Civilizations of the ancient near East*, Edisi III, Bahagian 8 (Religion & Science) (hlm. 1895-1909). New York: Charles Scribner's Sons.
- Jahid b. Hj. Sidek. (2008). Sihir: Ciri-cirinya, kaedah rawatan dan amalan pendinding. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Rawatan Islam Siri 1 anjuran IQ Insan Training & Consultancy, Kuala Lumpur, 5 Januari.
- Kieckhefer, R. (1990). *Magic in the middle ages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kippenberg, H. (1995). Magic in Roman civil discourse: Why rituals could be illegal. Dlm. M. Meyer & P. Mirecki (Pnyt.), *Acient magic and ritual power* (hlm. 137-163). Leiden: Brill.
- Mahyuddin Ismail. (2010). *Kegiatan Jenayah Menggunakan Ilmu Sihir: Keperluan kepada Pembanterasan Menlalui Mekanisma Perundangan*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____. (2011). *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS.
- Maple, E. (1973). *Witchcraft: The story of man's search for supernatural power*. London: Octopus Books.
- Morrison, W. (2001). *Blackstone's commentaries on the laws of England*, Vol IV. London: Cavendish Publishing Ltd.
- Shaw, W. (1975). *Aspects of Malaysian magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Thakker, C.K., Thakore, D. K., Iyer, V. R. K., & Ranchhoddas, R. (2002). *Ratanlal & Dhirajlal's law of crimes: A commentary on the Indian Penal Code*, 1860. New Delhi : Bharat Law House.
- Widner, J. (2001). *Building the rule of law: Francis Nyalai and the road to judicial independence in Africa*. New York: W.W. Norton Company Inc.